

**UNTUK SIARAN SEGERA**



## **ASEAN YEAR OF SKILLS (AYOS) 2025 DILANCARKAN**

Satu usaha sepanjang tahun untuk memperkukuh usaha pembangunan modal insan di seluruh rantau ASEAN.

**KUALA LUMPUR, 14 April 2025** – Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) Datuk Azman Mohd Yusoff, hari ini melancarkan **ASEAN Year of Skills (AYOS) 2025**, iaitu satu inisiatif peningkatan modal insan sepanjang tahun bersempena peranan penting Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025.

Diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Malaysia melalui Human Resource Development (HRD Corp), AYOS 2025 merupakan titik tolak usaha kolektif negara anggota ASEAN untuk memperkasa bakat kemahiran dan tenaga kerja ASEAN melalui penumpuan terhadap usaha pembangunan program bakat kemahiran dan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat untuk warga rantau ASEAN dari semua latar belakang.

Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja dan pembangunan bakat serantau melalui kerjasama antara negara anggota ASEAN. Ia memberi tumpuan kepada penambahbaikan mobiliti tenaga kerja dalam merapatkan jurang bakat kemahiran serantau dan menyediakan golongan belia untuk peluang pekerjaan masa depan.

Majlis pelancaran yang diadakan di Connexion Conference & Event Centre (Nexus) Bangsar, Kuala Lumpur, turut disaksikan oleh Datuk Abu Huraira Abu Yazid, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp dan Datuk Wira Shahul Dawood, Ketua Eksekutif HRD Corp.

Melalui ucapan perasmianya, Datuk Azman Mohd Yusoff menyebut bahawa AYOS 2025 adalah satu seruan untuk tindakan Bersama bagi kerajaan, industri, institusi dan komuniti untuk bersatu padu dalam membina tenaga kerja ASEAN yang bersedia untuk masa depan.

“Ia dibina berlandaskan lima objektif utama: merapatkan jurang kemahiran sedia ada merentasi negara anggota; menggalakkan mobiliti bakat bagi memudahkan ketangkasan tenaga kerja; memastikan pertumbuhan inklusif yang mengangkat setiap komuniti; memperkukuh kerjasama serantau demi kemakmuran bersama dan meningkatkan perkongsian awam-swasta untuk memastikan tenaga kerja kita kalis masa hadapan,” katanya.

“AYOS 2025 berpaksikan tiga aspirasi Utama iaitu memperkasakan tenaga kerja kita dengan keupayaan bersedia untuk masa depan, melengkapkan

## UNTUK SIARAN SEGERA

belia kita dengan daya tahan kerjaya dan membolehkan industri kita kekal berdaya saing serta inovatif," tambah beliau lagi.

Sementara itu, Datuk Wira Shahul Dawood menekankan bahawa AYOS 2025 mencerminkan pendirian proaktif Malaysia, yang menonjolkan pengiktirafan negara terhadap pembangunan modal insan sebagai tonggak utama kemajuan serantau.

"Kita berkumpul hari ini bukan sahaja untuk memperingati satu deklarasi serantau tetapi untuk menandakan permulaan satu perjalanan kerjasama ke arah membina tenaga kerja ASEAN yang berkemahiran tinggi dan bersedia untuk masa depan", katanya. Turut hadir di majlis tersebut ialah wakil-wakil dari Negara Anggota ASEAN, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Penyelaras Kebangsaan yang dilantik, wakil kedutaan dan wakil-wakil daripada industri.

Bertemakan "Menghubungkan Bakat, Membina ASEAN" (*Bridging Talent, Building ASEAN*), **AYOS 2025** akan menampilkan tujuh acara utama, iaitu:

1. ASEAN Human Capital Development Investment Symposium (AHCDIS)
2. National Training Week (NTW)
3. ASEAN Training Market Conference (ATMC)
4. ASEAN TVET Conference
5. ASEAN Forum of Manpower Minister for Human Capital Development (AFMM-HCD)
6. National Human Capital Conference Exhibition (NHCCE) 2025
7. Global Skills Forum (GSF)

Layari portal rasmi <https://aseanyearofskills.org/> untuk mendapatkan maklumat lanjut dan berita mengenai AYOS 2025.

**-Tamat-**

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp):**

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada melalui pengubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula kepada HRD Corp. Perubahan nama ini adalah cerminan tanggungjawab, arah dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuk memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja kepada semua majikan dan individu warga Malaysia; di samping memberi peluang menjana pendapatan kepada semua komuniti yang memerlukan. Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan bakat tempatan untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – [www.hrdcorp.gov.my](http://www.hrdcorp.gov.my).